

## Meningkatkan Kemahiran Membaca dan Motivasi Murid Bukan Penutur Natif dalam Bahasa Melayu Melalui Kaedah Ekspres-I

*(Improving Reading Skills and Motivation of Non-Native Speaking Students in Malay Through the Express-I Method)*

Lee Ngiik Ting<sup>1\*</sup>, Faridah Mydin Kutty<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [p104947@siswa.ukm.edu.my](mailto:p104947@siswa.ukm.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [faridah\\_mydin@ukm.edu.my](mailto:faridah_mydin@ukm.edu.my)

### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Lee Ngiik Ting

([p104947@siswa.ukm.edu.my](mailto:p104947@siswa.ukm.edu.my))

### KATA KUNCI:

Murid bukan penutur natif

Kaedah Ekspres-I

Motivasi

Kemahiran membaca

### KEYWORDS:

Non-native speaker pupils

Express-I method

Motivation

Reading skills

### CITATION:

Lee, N. T., & Faridah Mydin Kutty. (2022).

Meningkatkan Kemahiran Membaca dan Motivasi Murid Bukan Penutur Natif dalam Bahasa Melayu Melalui Kaedah Ekspres-I. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001520.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1520>

### ABSTRAK

Kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran yang asas dan harus dikuasai oleh murid sekolah rendah. Namun, penguasaan kemahiran membaca bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menjadi lebih mencabar bagi murid yang bukan penutur natif. Kajian ini bertujuan menguji keberkesanan kaedah Ekspres-I meningkatkan kemahiran membaca dan motivasi murid bukan penutur natif dalam bahasa Melayu. Kaedah Ekspres-I ini merupakan integrasi antara Kaedah Gabungan Bunyi Kata dan kaedah didik hibur. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan yang melibatkan dua orang murid tahun empat yang mengalami masalah dalam kemahiran membaca perkataan bahasa Melayu dan kurang bermotivasi dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kajian ini melibatkan ujian pra dan ujian pos, analisis dokumen latihan membaca, pemerhatian dan juga temu bual sebagai instrumen kajian. Data ujian pra dan pos serta analisis dokumen latihan membaca dianalisis secara perbandingan peningkatan peratus markah, manakala data pemerhatian dan temu bual dianalisis secara tematik. Analisis data menunjukkan bahawa kaedah Ekspres-I ini berkesan membantu responden meningkatkan pencapaian markah dalam kemahiran membaca dan memotivasikan responden dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kesimpulannya, kaedah Ekspres-I ini berkesan dan dapat membantu murid yang bukan penutur natif dalam menguasai kemahiran membaca dan meningkatkan motivasi belajar bahasa Melayu. Peranan guru penting dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran yang berpusatkan murid dan sesuai dengan tahap murid supaya menjamin berlakunya proses pembelajaran yang berkesan.

### ABSTRACT

Reading skills are one of the basic skills and should be mastered by primary school students. However, mastering

the skills of reading Malay as a second language becomes more challenging for students who are not native speakers. This study aims to test the effectiveness of the Express-I method to improve reading skills and motivation of non-native speakers in Malay. This Express-I method is an integration between the KGBK and the entertainment learning method. This study uses an action research design involving two Year 4 students who have problems in Malay word reading skills and are less motivated in learning Malay. The study involved pre-test and post-test, analysis of reading documents, observations and also interviews as research instruments. Pre- and post -test data, analysis of reading training documents were analyzed by comparison of percentage of marks, while observation and interview data were analyzed thematically. Data analysis shows that the Express-I method is effective in helping respondents improve the achievement of marks in reading skills and motivate respondents in learning Malay as a second language. In conclusion, the Express-I method is effective and can help students who are not native speakers in mastering reading skills and increase motivation to learn Malay. The role of teachers is important in applying student-centered teaching methods and appropriate to the level of students to ensure an effective learning process.

**Sumbangan/Keaslian:** Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa kaedah Ekspres-I dapat meningkatkan kemahiran membaca dan motivasi belajar murid bukan penutur natif dalam bahasa Melayu. Hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada guru bahasa Melayu dalam mengatasi masalah penguasaan kemahiran membaca dan motivasi belajar murid bukan penutur natif.

## 1. Pengenalan

Proses perkembangan dan pemerolehan bahasa adalah salah satu disiplin ilmu yang dikaji dalam bidang psikologi. Perkembangan dan pemerolehan bahasa dapat membantu kanak-kanak untuk berkomunikasi, menyuarakan pendapat serta meluahkan perasaan. Oleh itu, bahasa dilihat sebagai parameter yang penting dalam perkembangan kanak-kanak. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah menggariskan kemahiran membaca dalam bahasa Melayu adalah berupaya membaca dengan sebutan, intonasi, jeda serta lancar dan aspek pemahaman. Penguasaan kemahiran membaca dan motivasi belajar dalam pembelajaran bahasa kedua menjadi lebih mencabar bagi murid yang bukan penutur natif.

Tahap keupayaan guru dalam menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan murid dapat menentukan keberkesanan pengajaran (Wong & Nurfaradilla, 2021). Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru juga harus dipelbagaikan dan berpusatkan kepada murid agar pengajaran yang berkesan serta bermakna dapat dibentuk. Kaedah pengajaran guru yang tidak berpusatkan pelajar bukan sahaja mengakibatkan masalah pelajar yang pasif dan tidak aktif untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga menimbulkan kebosanan murid dan menyebabkan mereka tidak mengingati apa yang telah dipelajari (Ngu & Nurfaradilla, 2021; Nur Shahirah & Zamri, 2021). Oleh itu, guru memainkan peranan yang penting dalam memilih pendekatan pengajaran yang

berpusatkan kepada murid serta menjalankan intervensi yang sesuai bagi meningkatkan motivasi belajar murid dan membantu mereka menguasai kemahiran membaca bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Bahasa Melayu pula ialah mata pelajaran teras dan wajib dipelajari di sekolah rendah dan murid dihasratkan untuk menguasai kemahiran bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Melayu setelah menerima pendidikan selama enam tahun di sekolah rendah. Namun demikian, masalah penguasaan kemahiran seperti kekeliruan, lemah dalam penguasaan kemahiran membaca dan menulis masih berlaku di sekolah rendah, khususnya murid yang bukan penutur natif bahasa Melayu (Chew, 2016). Pembelajaran bahasa kedua merupakan sesuatu perkara yang baharu terhadap murid bukan penutur natif. Maka, murid perlu mempunyai motivasi untuk belajar dan menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Tahap motivasi murid selalunya dilihat sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi tahap pencapaian atau tahap penguasaan murid dalam pembelajaran (Lily Hanefarezan et al., 2018; Muhammad Ikmal et al., 2018). Dengan ini, jelaslah bahawa motivasi memainkan peranan yang penting terhadap kejayaan pembelajaran bahasa kedua. Oleh itu, kaedah pengajaran yang berpusatkan kepada murid dan motivasi adalah penting dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini ingin mengkaji keberkesanan kaedah Ekspres-I yang berpusatkan murid dalam membantu murid bukan penutur natif menguasai kemahiran membaca yang asas dan meningkatkan motivasi pembelajaran bahasa Melayu.

### 1.1. Pernyataan Masalah

Kemahiran membaca merupakan asas penerokaan pengetahuan (Abdul Said, 2018). Isu berhubung penguasaan membaca dalam kalangan murid masih dikaji terutamanya melibatkan mereka yang bukan penutur natif bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Murid bukan penutur natif mengalami kesukaran dalam membaca perkataan bahasa Melayu dengan sebutan yang lancar dan jelas (Nora'Azian, 2020; Lau et al., 2020). Antara perkara yang menyumbang kepada masalah penguasaan ini adalah disebabkan masalah kecelaruan sebutan bahasa ibunda dan dari segi medium dominan di SJK yang menggunakan bahasa ibunda sebagai medium utama dan menyebabkan pengaplikasian bahasa Melayu sangat terhad. Penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa dominan dalam PdPC sekolah menyebabkan ruang untuk mereka berkomunikasi atau mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu terhad (Mohd Helmi & Puteri Roslina, 2020). Pembelajaran bahasa berlaku melalui pengalaman yang bermakna seperti mendengar dan bertutur. Pengaplikasian bahasa yang terhad menyebabkan murid jarang menggunakan bahasa Melayu secara lisan atau bertulis dan membawa kesan terhadap penguasaan bahasa Melayu.

Kaedah pengajaran atau teknik PdPC yang berpusatkan kepada murid mampu meningkatkan tahap penguasaan kemahiran asas, motivasi dan menarik minat murid belajar bahasa kedua. Oleh itu, kaedah Ekspres-I yang diintegrasikan dengan Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) dan kaedah didik hibur nyanyian diaplikasikan dalam kajian ini untuk mendalami isu penguasaan kemahiran membaca serta motivasi murid bukan penutur natif dalam pembelajaran bahasa Melayu. Berdasarkan kajian Aminuddin (2015) penggunaan KGBK dalam pembelajaran bahasa berjaya menunjukkan kesan peningkatan keputusan dan motivasi belajar murid. Kaedah didik hibur nyanyian pula menekankan suasana serta persekitaran pembelajaran yang bersifat menyeronokkan dan berjaya meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran (Nur Aliah, 2019).

Penggunaan kaedah KGBK dan didik hibur nyanyian membawa pengaruh yang positif terhadap hasil tahap pencapaian kemahiran dan motivasi belajar murid.

Namun demikian, kajian tentang penggunaan kaedah Ekspres-I dalam membantu murid sekolah rendah yang belum menguasai kemahiran asas bahasa Melayu sebagai bahasa kedua masih kurang. Penggunaan KGBK ini lebih dikaji untuk menyelesaikan masalah kemahiran membaca, menulis bahasa Melayu serta motivasi bagi murid disleksia di sekolah rendah (Yong & Isahak, 2016; Razif & Isahak, 2017). Oleh itu, isu utama kajian ini adalah untuk membantu murid bukan penutur natif menguasai kemahiran membaca bahasa Melayu yang asas dan bermotivasi dalam pembelajaran bahasa Melayu dengan kaedah Ekspres-I. Murid diharapkan dapat menguasai kemahiran membaca yang asas dan bermotivasi belajar bahasa Melayu melalui kaedah pembelajaran yang lebih bermakna dan menyeronokkan.

## 1.2. Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap pencapaian kemahiran membaca murid bukan penutur natif dalam bahasa Melayu melalui penggunaan kaedah Ekspres-I
- ii. Mengenal pasti bagaimana kaedah Ekspres-I dapat meningkatkan motivasi murid bukan penutur natif dalam pembelajaran bahasa Melayu.

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1. Kemahiran Membaca

Dalam perkembangan bahasa kanak-kanak, kemahiran bahasa memainkan peranan yang penting bagi membantu kanak-kanak menguasai asas membaca dan menulis. Membaca bukan sekadar aktiviti membaca lambang-lambang yang tercetak sahaja, tetapi juga melibatkan aktiviti memahami makna bacaan. Pakar psikolinguistik Smith (1975) telah menjelaskan bahawa proses membaca ialah satu proses kognitif yang kompleks. Proses membaca merupakan perlakuan yang melibatkan kemahiran mengenal, berfikir dan memahami terhadap bahan yang dibaca.

Hanifah et al. (2019) telah menyimpulkan bahawa penyelidik Artley (1966), Niles (1969), Russell (1972) dan Dechant (1964) telah mengkategorikan peringkat-peringkat pemikiran yang berlaku ketika membaca kepada empat aras taksonomi pemikiran seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1: Empat Aras Taksonomi Pemikiran

Aras	Jenis-jenis Pemikiran
i. Literal	Membuat pengamatan tentang bentuk, bunyi dan makna perkataan.
ii. Interpretasi	Mengaitkan dan menterjemahkan lambang kepada makna.
iii. Penilaian	Memberi tindak balas terhadap apa yang dihadapi berdasarkan pengetahuan sedia ada.
iv. Asimilasi	Membuat penapisan terhadap apa yang disimpan.

Berdasarkan [Jadual 1](#), empat aras taksonomi pemikiran terdiri daripada i) literal, ii) interpretasi, iii) penilaian dan iv) asimilasi. Demi menguasai kemahiran membaca perkataan bahasa Melayu, murid seharusnya berkemampuan membuat pengamatan terhadap bentuk, bunyi dan makna perkataan. Oleh demikian, kajian ini memberi fokus

kepada penguasaan aras literal sahaja kerana murid yang terlibat dalam kajian ini mengalami kekeliruan atau ketidakpastian bagi bacaan perkataan atau ayat yang ringkas, di mana mereka belum menguasai kemahiran membaca yang asas untuk mencapai aras pemikiran yang lebih tinggi.

## 2.2. Penguasaan Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif

Pengaruh bahasa ibunda merupakan salah satu punca menyumbang masalah dalam pembelajaran bahasa kedua. Bahasa ibunda yang selalu digunakan dalam situasi tidak formal menyebabkan murid bukan penutur natif gagal dalam penguasaan kemahiran bahasa Melayu. [Khairul Nizam \(2017\)](#) membincangkan punca utama berlakunya masalah penguasaan bahasa kedua dalam kalangan murid adalah disebabkan sistem bahasa ibunda merupakan rujukan bagi mereka ketika mempelajari dan membuat pemindahan bahasa kedua. Hal ini disokong oleh [Chew \(2016\)](#) yang menjelaskan terdapat perbezaan pembentukan konsep antara bahasa ibunda yang telah murid kuasai dengan bahasa kedua semasa mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Sistem dan pembentukan bahasa ibunda yang berbeza dengan bahasa kedua telah menjadikan murid mengalami proses perlakuan yang baharu dan menyebabkan penguasaan kemahiran bahasa Melayu merupakan satu cabaran kepada murid bukan penutur natif.

Tambahan, bahasa ibunda merupakan bahasa pengantar di SJK dan waktu belajar berbanding dengan bahasa Melayu. Kebanyakan mata pelajaran di SJK diajar dalam bahasa ibunda masing-masing ([Mohd Helmi & Puteri Roslina, 2020](#)). Hal ini menyebabkan murid yang bukan penutur natif di SJK menghadapi masalah kurang pendedahan kepada bahasa Melayu berbanding dengan murid di SK. Pendedahan bahasa Melayu yang terhad telah mengakibatkan murid mengalami masalah dalam proses pembelajaran bahasa kedua. Murid bukan penutur natif kurang pengalaman serta latihan dalam bertutur, mendengar ataupun membaca bahasa Melayu menyebabkan mereka menghadapi masalah dalam penguasaan kemahiran bahasa kedua ([Abdul Rasid, 2011](#); [Patricia et al., 2020](#)).

Antara masalah penguasaan kemahiran membaca yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif termasuklah mengenal huruf, membatangkan suku kata, kesukaran atau kekeliruan dalam menyebut sesuatu perkataan ([Chew, 2016](#); [Nor Qadariah & Wan Muna, 2020](#)). Secara lebih khusus, murid bukan penutur natif selalu mengalami kesalahan dan kekeliruan dalam membaca perkataan bahasa Melayu yang mengandungi vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung ([Nor Qadariah & Wan Muna, 2020](#)). Hasil dapatan ini sama dengan dapatan kajian [Chew \(2016\)](#) yang membincangkan murid-murid Cina selalu salah menyebut perkataan yang terdapat sebutan fonem, konsonan bergabung, digraf dan sebutan diftong. Kesalahan dan kekeliruan murid dalam sebutan bahasa Melayu harus dilaksanakan intervensi agar masalah tidak dapat membaca perkataan dan ayat dapat diatasi.

## 2.3. Motivasi Belajar Murid Bukan Penutur Natif

Motivasi ialah salah satu kunci kejayaan yang utama dalam proses pembelajaran bahasa kedua. Hal ini disebabkan motivasi dapat menggerakkan serta membantu murid bertindak dan berusaha untuk menguasai kemahiran dan ilmu pengetahuan bahasa kedua. Motivasi belajar dapat menggerakkan serta mengarahkan murid melakukan tugas serta aktiviti pembelajaran ([McDonough, 1981](#)) dan menentukan kejayaan atau kegagalan menguasai sesuatu bahasa ([Lau & Mohd Mokhtar, 2021](#)). Namun, murid bukan

penutur natif di luar bandar didapati kurang minat serta bermotivasi yang rendah dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (Lau et al., 2020) kerana mereka berpendapat bahawa bahasa Melayu kurang penting dalam kehidupan (Nora'Azian, 2020) dan merupakan mata pelajaran yang susah dipelajari (Norlela et al., 2021).

Oleh itu, guru penting untuk mengekalkan suasana belajar yang positif dan suasana ini dapat melahirkan motivasi dalam kalangan murid untuk belajar (Nur Aliah, 2019). Pernyataan ini disokong oleh kajian Alcivar et al. (2020) yang menjelaskan bahawa motivasi murid boleh dibentuk melalui strategi pengajaran guru. Jadi, guru sememangnya memainkan peranan penting dalam mengambil pendekatan atau strategi pengajaran yang sesuai dengan tahap murid bukan penutur natif bagi memastikan berlakunya proses pembelajaran yang berkesan dan meningkatkan motivasi belajar murid.

## 2.4. Kaedah Ekspres-I

Kaedah Ekspres-I yang digunakan dalam kajian ini diasaskan oleh Norli (2008). Kaedah Ekspres-I ini merupakan integrasi antara Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) dan kaedah didik hibur nyanyian yang diaplikasikan dalam proses pengajaran bahasa Melayu. Dengan kaedah Ekspres-I, murid dapat membaca serta membunyikan suku kata atau perkataan dengan mudah dan motivasi belajar ditingkatkan dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

### 2.4.1. Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK)

Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) merupakan hasil usaha untuk mengatasi masalah murid yang tidak boleh membaca di sekolah rendah. KGBK ini sesuai untuk meningkatkan prestasi murid bukan penutur natif yang lemah dalam penguasaan bacaan bahasa Melayu (Muhammad Saiful et al., 2012). Selain pengaplikasian KGBK dalam bahasa Melayu, Aminuddin (2015) juga mengaplikasikan KGBK dalam pembelajaran bahasa Arab dan hasil dapatan menunjukkan terdapat peningkatan keputusan dan motivasi murid dalam pembelajaran. Kajian penggunaan KGBK ini dilaksanakan dan hasil dapatan menunjukkan peningkatan dalam kemahiran membaca, menulis bahasa Melayu serta motivasi bagi murid disleksia di sekolah rendah (Yong & Isahak, 2016; Razif & Isahak, 2017).

KGBK diasaskan berdasarkan ciri-ciri keistimewaan yang terdapat dalam bahasa Melayu seperti sistem ejaan yang fonemik, suku kata yang jelas dan tatabahasa yang lebih mudah. Sistem ejaan bahasa Melayu yang fonemik merujuk kepada setiap huruf mewakili satu bunyi kecuali huruf 'e' (Isahak, 2004). Ejaan bahasa Melayu menggunakan sistem fonemik, di mana perkataan bahasa Melayu disebut atau dibunyikan sebagaimana dieja: ibu harus disebut i-bu (Muhammad Ariff, 1992). Selain itu, suku kata bahasa Melayu yang jelas seperti 'ba tu', 'ma kan' dan sebagainya memudahkan suku kata dicantumkan untuk membentuk perkataan. Tatabahasa bahasa Melayu yang lebih mudah berbanding dengan bahasa Inggeris yang terdapat perbezaan bentuk bagi gender (lelaki, perempuan), waktu (*past tense*, *present tense*) dan banyak (*plural*).

Tambahan, murid tidak perlu mengenal atau menghafal semua huruf abjad sebelum mereka diajar membaca dan menulis dalam KGBK. Hal ini disebabkan pengenalan dan penghafalan semua huruf abjad akan mengambil masa yang panjang (Isahak, 2004). Pengukuhan terhadap pengenalan huruf abjad akan berlaku secara tidak langsung

apabila murid diajar mengikut susunan kandungan pembelajaran KGBK secara beransur maju. Susunan bahan pembelajaran secara berturutan dan *'developmental'*, kumulatif dan sistematik ini memudahkan guru mengajar dan memudahkan murid belajar bahasa Melayu (Isahak, 2004).

Oleh itu, dalam kaedah Ekspres-I yang menggunakan KGBK, murid tidak perlu mengeja dan mengenali semua sebutan huruf sebelum diajar membaca. Murid hanya perlu mengecam suku kata dengan aplikasi kaedah didik hibur nyanyian. Dalam kaedah Ekspres-I, kumpulan suku kata dan perkataan yang mempunyai pola yang sama akan diperkenalkan kepada murid. Misalnya, murid belajar bunyi diftong 'ai', suku kata akan dibentuk dengan pola '-ai' akan diperkenalkan kepada murid dan murid aplikasikan lenggok bunyi dengan cara membunyikan 'a-ai' pada suku kata 'ba-bai', 'ca-cai', 'da-dai' dan seterusnya. Setelah murid menguasai suku kata yang dibentuk dengan pola '-ai', perkataan yang dibentuk dengan '-ai' seperti 'ramai', 'serai', 'damai' juga akan diperkenalkan kepada murid. Dalam proses ini, murid dapat kuasai lenggok bunyi dan terus sebut suku kata serta perkataan. Kaedah ini dapat memudahkan dan membantu murid untuk menyebut suku kata atau perkataan tanpa kekeliruan.

#### 2.4.2. Kaedah Didik Hibur

Kaedah didik hibur membolehkan murid memperoleh kemahiran membaca dengan berkesan melalui teknik nyanyian, bercerita, berlakon, mendeklamasi atau berpuisi (Abdul Rasid et al., 2016). Dalam pengaplikasian kaedah Ekspres-I ini, kaedah didik hibur berfokus nyanyian diterapkan dalam aktiviti pembelajaran, di mana murid mempelajari sebutan suku kata dengan nyanyian lagu yang dikenali. Kaedah didik hibur nyanyian merupakan kaedah yang dapat meningkatkan penglibatan dan motivasi murid dalam aktiviti pembelajaran dan perkara ini dibuktikan dalam kajian Nur Aliah (2019) bahawa kaedah didik hibur yang berasaskan nyanyian telah membantu meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran. Motivasi belajar murid akan bertambah apabila berlakunya keseronokan dalam pembelajaran melalui kaedah didik hibur (Norlela & Shamsudin, 2020).

Kaedah didik hibur merupakan sesi pengajaran yang menyeronokkan, mampu mengurangkan kebimbangan dan ketakutan dalam kalangan murid (Ahmad Kamal, 2013). Suasana pembelajaran yang santai serta persekitaran bilik darjah yang tidak mengancam melalui kaedah nyanyian lagu dapat meningkatkan minat serta motivasi murid bukan penutur natif dalam pembelajaran bahasa (Nadera, 2015). Kaedah didik hibur nyanyian telah membawa kesan positif terhadap murid akibat rutin aktiviti pembelajaran yang berlainan seperti nyanyian suku kata mengikut irama lagu yang menambahkan minat serta perhatian murid dan meningkatkan motivasi belajar murid dalam bahasa kedua (Nadera, 2015). Maka, lagu dalam kaedah ini memainkan peranan penting kerana dapat mencipta suasana santai, bilik darjah yang menghiburkan serta tidak mengancam (York, 2011) dan membantu murid bukan penutur natif untuk melibatkan diri dalam suasana pembelajaran yang lebih memotivasikan (Bodden, 2010). Murid bukan sekadar berpeluang belajar bahasa Melayu dalam persekitaran yang selesa, menyeronokkan dan terhibur, tetapi motivasi belajar murid juga ditingkatkan melalui kaedah didik hibur nyanyian.

### 3. Metod Kajian

#### 3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk kajian tindakan. McNiff (1988) telah menjelaskan kualiti pendidikan dapat diperbaiki atau ditingkatkan melalui perubahan yang dilaksanakan dalam kajian tindakan dengan menggalakkan guru-guru menyedari amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubahnya. Oleh itu, kajian tindakan telah dipilih untuk membantu pengkaji membuat refleksi, merancang, bertindak serta memperoleh data yang berkaitan dengan penggunaan kaedah Ekspres-I dalam meningkatkan kemahiran membaca dan motivasi belajar bahasa Melayu bagi murid bukan penutur natif.

### 3.2. Sampel Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada dua orang murid tahun empat yang bukan penutur natif bahasa Melayu. Dua orang responden kajian ini dipilih kerana menghadapi masalah motivasi belajar dan kemahiran membaca dalam bahasa Melayu. Kedua-dua responden ini lebih cenderung menggunakan bahasa ibunda masing-masing untuk bergaul dan berbincang dengan rakan lain di sekolah. Sebutan perkataan kurang tepat serta salah merupakan masalah yang mereka hadapi dalam mempelajari bahasa Melayu. Masalah kemahiran membaca ini menyebabkan motivasi belajar responden yang kurang dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

### 3.3. Lokasi Kajian

Kajian ini dilaksanakan di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) yang terletak di luar bandar daerah Meradong, Sarawak.

### 3.4. Instrumen Kajian

Data yang berkenaan akan dipungut melalui beberapa instrumen, iaitu ujian pra dan ujian pos, analisis dokumen latihan membaca, pemerhatian serta temu bual.

#### 3.4.1. Ujian Pra dan Ujian Pos

Ujian pra dan ujian pos ini dipilih untuk memperoleh data pencapaian murid dalam kemahiran membaca bahasa Melayu sebelum dan selepas proses pembelajaran menggunakan kaedah Ekspres-I. Dengan kedua-dua ujian ini, pengkaji dapat membuat perbandingan pencapaian kemahiran membaca murid sebelum serta selepas dan mengenal pasti penguasaan kemahiran membaca murid dengan penggunaan kaedah Ekspres-I. Terdapat 15 perkataan yang mengandungi suku kata diftong atau vokal berganding. Antara suku kata diftong yang diberi fokus dalam ujian ini termasuklah ai, au, oi manakala bagi vokal berganding pula merangkumi ia, ua, io, ea.

Dalam ujian pra dan ujian pos, data yang dikutip merupakan jumlah bilangan perkataan yang responden kajian dapat membaca dengan tepat dan betul. Setiap perkataan yang murid sebut dengan betul akan diberi 1 markah. Jumlah markah keseluruhan bagi ujian adalah 15 dan markah yang murid peroleh akan dikira dalam peratus. Formula pengiraan peratus adalah seperti [Rajah 1](#) yang berikut.

## Rajah 1: Formula Pengiraan

$$\frac{x}{15} \times 100\% = y$$

*x*: jumlah markah yang murid peroleh  
*y*: markah yang murid peroleh dalam peratus

## 3.4.2. Analisis Dokumen Latihan Membaca

Terdapat latihan membaca yang diberikan kepada responden setelah pelaksanaan tindakan dalam kitaran 1 dan 2. Tujuan analisis dokumen ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan responden dari semasa ke semasa terhadap proses pembelajaran yang diikuti. Terdapat 20 perkataan dalam latihan membaca yang memberi fokus kepada perkataan diftong pada kitaran 1 dan perkataan vokal berganding pada kitaran 2.

Latihan membaca responden akan dianalisis dari segi ketepatan jawapan. Setiap perkataan yang murid sebut dengan betul akan diberi 1 markah. Jumlah markah keseluruhan bagi ujian adalah 20 dan markah yang murid peroleh akan dikira dalam peratus.

## 3.4.3. Pemerhatian

Pemerhatian sesuai digunakan bagi mengamati tingkah laku murid berdasarkan pemboleh ubah atau aspek yang dikenal pasti. Oleh itu, pemerhatian berstruktur terhadap responden kajian akan dijalankan sebagai salah satu pengukur bagi motivasi belajar responden dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Bahasa tubuh badan, pertuturan, tingkah laku, penglibatan responden kajian ketika sesi pembelajaran menggunakan kaedah Ekspres-I akan diperhatikan oleh pengkaji. Pemerhatian proses pembelajaran juga akan dilakukan dengan bantuan rakaman video supaya data yang ditunjukkan oleh responden kajian dapat direkodkan dengan lebih menyeluruh dan tepat.

Pemerhatian bagi kajian ini dilakukan secara berstruktur dan berfokus kepada aspek motivasi murid dalam belajar bahasa Melayu. Bagi tujuan pemerhatian, terdapat lima elemen yang tersenarai bagi mengenal pasti motivasi murid ketika mempelajari kaedah Ekspres-I. Antara elemen pemerhatian termasuklah memberikan tumpuan, bertanya atau menjawab soalan, respons terhadap isi kandungan yang dipelajari, kerjasama menjalankan aktiviti individu/ kumpulan dan bersemangat menjalankan aktiviti. Elemen-elemen bagi tema motivasi ini adalah diadaptasi daripada pemerhatian berstruktur yang digunakan dalam kajian [Ramayanti \(2019\)](#) yang bertajuk *Improving Students' Vocabulary Mastery Through Word Family Games And Picture*. Penerangan bagi setiap elemen dibina berdasarkan dapatan kajian [Pratolo \(2019\)](#) yang bertajuk *Integrating Body Language Into Classroom Interaction: The Key To Achieving Effective English Language Teaching* dan kajian [Barry et al. \(2011\)](#) yang berkenaan *Student Nonverbal Communication in the Classroom*.

### 3.4.4. Temu Bual

Temu bual secara bersemuka antara pengkaji dengan responden kajian dijalankan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah Ekspres-I. Tujuan temu bual ini dijalankan adalah untuk mengukuhkan dan memantapkan data yang dipungut berkaitan dengan motivasi belajar murid dalam bahasa Melayu. Terdapat lima soalan yang dibina berdasarkan objektif kajian, iaitu mengenal pasti motivasi belajar murid dalam mempelajari bahasa Melayu dengan penggunaan kaedah Ekspres-I. Rakaman video akan dijalankan ketika sesi temu bual antara pengkaji dengan responden kajian. Bahasa tubuh badan dan tingkah laku kajian juga akan dicatat dan dianalisis. Tujuan rakaman video ini adalah untuk memastikan data temu bual yang diperoleh daripada responden kajian dapat dicatat dengan lebih lengkap dan menyeluruh. Transkrip temu bual dihasilkan berdasarkan rakaman dan akan dianalisis secara manual. Sebelum membuat analisis data temu bual, transkrip temu bual akan disemak dan dibaca semula. Data temu bual akan dianalisis dengan menggunakan kaedah tematik. Analisis tematik ini dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti serta mengkategorikan data yang berulang dengan mencari corak, tema serta sub tema.


### 3.5. Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan ciri yang utama bagi memastikan kesesuaian dan kebolegunaan sesuatu instrumen. Kesahan digunakan untuk menguji ketepatan sesuatu alat pengukur yang digunakan dalam kajian manakala kebolehpercayaan pula digunakan untuk mengetahui ketekalan dan kestabilan data instrumen. Oleh itu, instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah disemak dan disahkan oleh dua orang panel pakar yang masing-masing terdiri daripada pakar bidang psikologi pendidikan dan pakar bidang penyelidikan.

### 3.6. Kaedah Pelaksanaan Kajian

Pelaksanaan kajian ini akan memilih proses kitaran kajian yang dicadangkan oleh [Kemmis dan McTaggart \(1988\)](#) seperti yang ditunjukkan dalam [Rajah 2](#).

Rajah 2: Proses Kitaran Kajian



### 3.6.1. Mereflek

Murid Tahun 4 didapati selalu pasif apabila aktiviti membaca dialog atau teks dan mengambil masa yang lama untuk membaca satu ayat atau perenggan kerana tidak tahu sebutan perkataan, bacaan yang tidak lancar atau kekeliruan sebutan suku kata. Namun, tindakan baca ikut guru tidak dapat membantu murid yang menguasai kemahiran membaca yang asas. Motivasi belajar bagi murid Tahun 4 juga didapati rendah. Mereka selalu menunjukkan air muka yang keliru, letih dan tidak sudi melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Oleh itu, kemahiran membaca yang kurang kukuh dan motivasi belajar yang rendah dalam kalangan murid bukan penutur natif Tahun 4 merupakan masalah yang pengkaji hadapi dan ingin atasi. Fokus kajian ini diberikan kepada motivasi belajar bahasa Melayu dan penguasaan perkataan dalam corak suku kata yang tertentu atas jangka masa yang terhad.

### 3.6.2. Merancang

Setelah isu dan fokus kajian telah dikenal pasti, kaedah Ekspres-I yang merupakan integrasi antara Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) dan kaedah didik hibur dipilih kerana terbukti dapat membantu motivasi belajar dan penguasaan kemahiran membaca yang asas. Berikut merupakan tindakan dan aktiviti yang dirancang berasaskan kaedah Ekspres-I dalam peringkat ini:

- i. Kandungan pengajaran dan pembelajaran berfokus kepada suku kata diftong (ai, au, oi) pada kitaran yang pertama. Kemudian, diikuti dengan suku kata vokal berganding ( ia, ua, io, ea.) pada kitaran yang kedua.
- ii. Aktiviti nyanyian diterapkan dalam aktiviti pengajaran. Tiga buah lagu yang diubahsuai berdasarkan kandungan pengajaran telah diterapkan dalam aktiviti pengajaran, iaitu lagu “*I Love You*”, “*Kalau Rasa Gembira*” dan “*Chan Mali Chan*”. Lirik lagu bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran telah diubahsuai seperti [Rajah 3](#) yang berikut.

Rajah 3: Lirik Lagu yang Diubahsuai

#### Lagu “Kalau Rasa Gembira”

Kalau rasa gembira sebut a - ai, a - ai,  
 Kalau rasa gembira sebut a - ai, a - ai,  
 Kalau rasa gembira, beginilah caranya  
 Kalau rasa gembira sebut semua.  
a - ai, ba - bai, ca - cai,  
da - dai, fa - fai, ha - hai  
ja - jai, ka - kai, la - lai .....

#### Lagu “Chan Mali Chan”

Di mana dia suku kata lai,  
 Suku kata lai ada di tangan saya,  
 Di mana dia suku kata lai,  
 Suku kata lai ada di tangan dia,  
lai lai lai lai o - hoi,  
lai lai lai lai o - hoi,  
lai lai lai lai sudah pun kita jumpa.

- iii. Jadual suku kata diftong (ai, au, oi) dan suku kata vokal berganding ( ia, ua, io, ea) disediakan seperti yang ditunjukkan dalam [Rajah 4](#). Ketika aktiviti pembelajaran dijalankan, murid akan melihat sambil membaca jadual suku kata dengan lenggok bunyi seperti a-ai, ba-bai, ca-cai dan seterusnya.

Rajah 4: Jadual Suku Kata

a ba ca da fa ga ha ja ka la	ai bai cai dai fai gai hai jai kai lai	o bo co do fo go ho jo ko lo	oi boi coi doi foi goi hoi joi koi loi	a ba ca da fa ga ha ja ka la	au bau cau dau fau gau hau jau kau lau	i bi ci di fi gi hi ji ki li	ia bia cia dia fia gia hia jia kia lia	u bu cu du fu gu hu ju ku lu	ua bua cua dua fua gua hua jua kua lua	i bi ci di fi gi hi ji ki li	io bio cio dio fio gio hio jio kio lio	e be ce de fe ge he je ke le	ea bea cea dea fea gea hea jea kea lea
ma na pa qa ra sa ta wa va ya za	mai nai pai qai rai sai tai wai vai yai zai	mo no po qo ro so to wo vo yo zo	moi noi poi qoi roi soi toi woi v oi yoi zoi	ma na pa qa ra sa ta wa va ya za	mau nau pau qau rau sau tau wau vau yau zau	mi ni pi qi ri si ti wi vi yi zi	mia nia pia qia ria sia tia wia via yia zia	mu nu pu qu ru su tu wu vu yu zu	mua nua pua qua rua sua tua wua vua yua zua	mi ni pi qi ri si ti wi vi yi zi	mio nio pio qio rio sio tio wio vio yio zio	me ne pe qe re se te we ve ye ze	mea nea pea qea rea sea tea wea vea yea zea

iv. Latihan membaca yang terdiri daripada 20 perkataan dijalankan pada akhir pengajaran dan pembelajaran setiap kitaran agar dapat mengenal pasti penguasaan murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. [Rajah 5](#) yang berikut merupakan latihan yang diberikan pada kitaran 1 dan 2 setelah selesai proses pengajaran dan pembelajaran.

Rajah 5: Latihan Membaca

<u>Latihan Suku Kata Diftong</u>		<u>Latihan Suku Kata Vokal Berganding</u>	
serai	silau	setia	buaya
kacau	kaloi	radio	korea
lantai	walau	buat	peria
cabai	murai	biola	kuali
pisau	kacau	hadiah	gua
misai	laici	tuala	ceria
limau	sekoi	piano	kedua
tupai	gerai	puasa	sosio
risau	pulau	sofea	siapa
koboi	petai	muara	semua

### 3.6.3. Bertindak

Setelah siap perancangan serta penyediaan, pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dengan penggunaan kaedah Ekspres-I dijalankan bagi mengatasi masalah motivasi belajar dan kemahiran membaca murid. [Jadual 2](#) yang berikut merupakan jadual pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi kajian ini.

Jadual 2: Jadual Pelaksanaan Aktiviti Membaca Menggunakan Ekspres-I

Aktiviti	Penerangan
Set Induksi (10 minit)	Murid menyanyi lagu suku kata terbuka dengan melodi “I Love You” dan lagu vokal a, e, i, o, u dengan melodi “I Love You”
Aktiviti Pengajaran (20 minit)	Murid meneka lenggok bunyi diftong ‘ai’ yang disebut oleh guru. Kemudian, murid membaca suku kata diftong yang disenaraikan. Murid menyanyikan suku kata diftong ‘ai’ dengan melodi lagu “Kalau Rasa Gembira”. Aktiviti ini diulang semula dengan pengenalan suku kata diftong ‘au’ dan seterusnya ‘oi’.

Aktiviti Pengukuhan (15 minit)	Murid membaca kad-kad suku kata diftong yang ditunjukkan oleh guru. Murid melakukan aktiviti mencari suku kata yang hilang dengan menyanyikan lagu "Chan Mali Chan". Setiap murid diberi enam keping kad suku kata dan perlu menunjukkan suku kata yang disebut oleh guru sambil menyanyikan lagu tersebut. Aktiviti ini diulang semula dengan pengenalan suku kata diftong 'au' dan seterusnya 'oi'.
Penutup (15 minit)	Murid diberi latihan membaca dan menjalankan latihan bacaan dalam kumpulan. Setelah bersedia, murid dikehendaki membaca 20 perkataan secara individu dan markah bagi bacaan dicatat.

### 3.6.4. Memerhati

Dalam pelaksanaan peringkat pemerhatian, rakaman video akan dijalankan sebagai bantuan kepada pengkaji agar data yang diperhatikan atau dipungut lebih menyeluruh dan teliti. Data proses pengajaran dan pembelajaran, pengambilan ujian dan temu bual akan dikumpul dan dicatat berdasarkan instrumen dan rakaman video. Pengkaji akan menganalisis data bagi ujian pra dan ujian pos, dokumen latihan membaca, borang pemerhatian dan transkrip bagi temu bual dengan responden.

### 3.6.5. Mereflek Semula

Sekiranya kitaran yang seterusnya perlu dijalankan, pengkaji perlu membuat refleksi terhadap kitaran yang telah laksanakan bagi tujuan penambahbaikan untuk kitaran kajian yang seterusnya. Setelah mengenal pasti penambahbaikan dan persediaan yang perlu dijalankan, kitaran kedua akan terus dijalankan dengan urutan merancang, bertindak, memerhati dan mereflek.

Pada peringkat kitaran terakhir, refleksi akan dibuat terhadap kitaran kajian yang dijalankan dan data yang dianalisis. Pada masa yang sama, refleksi terhadap keberkesanan tindakan intervensi secara keseluruhan juga akan dilakukan dan dibincangkan.

## 4. Hasil Kajian

### 4.1. Ujian Pra dan Pos

Ujian pra telah dilaksanakan sebelum bermulanya pendedahan kaedah Ekspres-I dalam kitaran 1. Ujian pos pula dijalankan setelah pelaksanaan kitaran 2. Dalam ujian pos, responden dikehendaki membaca 15 perkataan yang sama seperti dalam ujian pra. [Jadual 3](#) yang berikut menunjukkan keseluruhan markah pencapaian kedua-dua responden bagi ujian sebelum dan selepas tindakan dilaksanakan.

Jadual 3: Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pos

Responden	Ujian Pra		Ujian Pos		Perbandingan Pencapaian	Perbezaan Peratus
	Markah (15)	Peratus %	Markah (15)	Peratus %		
M1	5	33	15	100	Meningkat	67
M2	4	27	15	100	Meningkat	73

Berdasarkan [Jadual 3](#), responden M1 dan M2 masing-masing telah mendapat keputusan yang lebih rendah dalam ujian pra berbanding dengan ujian pos. Responden M1 telah

mendapat 5 markah, iaitu sebanyak 33 peratus, manakala responden M2 pula memperoleh 4 markah, iaitu sebanyak 27 peratus dalam ujian pra. Dapatan ini menjelaskan bahawa responden M1 mampu membaca 5 daripada 15 perkataan, manakala responden M2 dapat membaca 4 daripada 15 perkataan yang mengandungi suku kata diftong dan vokal berganding sebelum bermulanya kitaran 1.

Ujian pos pula dijalankan setelah pendedahan kaedah Ekspres-I, iaitu selepas pelaksanaan kitaran 1 dan 2. Responden M1 dan M2 telah mendapat 15 markah, iaitu 100 peratus. Dapatan ini menjelaskan bahawa kedua-dua responden dapat membaca kesemua 15 perkataan yang mengandungi suku kata diftong dan vokal berganding dengan betul. Hal ini menjelaskan bahawa responden kajian telah lebih mahir membaca perkataan yang mengandungi suku kata diftong dan vokal berganding setelah pendedahan kaedah Ekspres-I.

Secara keseluruhan, pencapaian bagi responden M1 dan M2 telah mengalami peningkatan setelah mengikuti pelaksanaan kitaran 1 dan 2. Pencapaian responden M1 telah meningkat sebanyak 67 peratus dari 33 peratus dalam ujian pra menjadi 100 peratus dalam ujian pos. Pada masa yang sama, responden M2 yang memperoleh 27 peratus dalam ujian pra telah mengalami peningkatan pada ujian pos sebanyak 73 peratus menjadi 100 peratus.

#### 4.2. Analisis Dokumen Latihan Membaca

Responden kajian diberikan latihan membaca yang mengandungi 20 perkataan pada akhir proses pembelajaran agar tahap penguasaan murid dapat dikenal pasti setelah pelaksanaan tindakan. Latihan membaca responden dianalisis dari segi ketepatan bacaan terhadap 20 perkataan yang mengandungi suku kata diftong (ai, au, oi) dalam kitaran 1 dan suku kata vokal berganding (ia, ua, io, ea) dalam kitaran 2. [Jadual 4](#) menunjukkan markah dan peratus yang diperolehi oleh responden M1 dan M2 dalam latihan membaca.

Jadual 4: Markah dan Peratus Responden dalam Latihan Membaca

Responden	Kitaran 1		Kitaran 2	
	Markah (20)	Peratus %	Markah (20)	Peratus %
M1	19	95	20	100
M2	17	85	18	90

Berdasarkan [Jadual 4](#), dapat dilihat bahawa responden M1 telah memperoleh 19 markah, iaitu 95 peratus. Responden M2 pula mendapat 17 markah, iaitu 85 peratus dalam kitaran 1. Seterusnya, responden M1 telah memperoleh 20 markah, iaitu 100 peratus di mana jelaslah bahawa responden M1 dapat membaca kesemua 20 perkataan yang mengandungi vokal berganding selepas pelaksanaan tindakan dalam kitaran 2. Pada masa yang sama, responden M2 telah mendapat 18 markah, iaitu 90 peratus. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden M2 dapat membaca 18 daripada 20 perkataan yang mengandungi vokal berganding selepas pelaksanaan tindakan dalam kitaran 2. Data latihan membaca dalam [Jadual 4](#) telah menjelaskan kedua-dua orang responden telah menunjukkan penguasaan kemahiran membaca suku kata diftong serta vokal berganding setelah pelaksanaan tindakan kitaran 1 dan 2.

### 4.3. Dapatan Temu Bual dan Pemerhatian

#### 4.3.1. Kaedah Ekspres-I Memudahkan Bacaan Suku Kata

Kaedah Ekspres-I dapat membantu murid dalam membaca suku kata kerana mempermudah proses menyebut suku kata. Berbanding dengan cara mengeja yang perlu mengingat sebutan huruf serta bunyi suku kata, murid hanya perlu mengingat serta menyebut suku kata secara terus tanpa mengeja dalam kaedah Ekspres-I. Kumpulan suku kata yang terdiri daripada pola yang sama telah menghasilkan lenggok bunyi yang sama. Hal ini juga memudahkan murid membunyikan suku kata vokal berganding atau diftong berdasarkan corak bunyi yang sama.

*.....bacaan u-ua, bi-bia menjadi lebih senang. (Responden M1)*

*.....Mula-mula, rasa susah. Selepas ini, baca perkataan bahasa Melayu 'Easy'. Bunyi a, e, i, o, u yang bergabung menjadi mudah dibaca, seperti itu...ia, au, bau. (Responden M2)*

Berdasarkan kepada data temu bual yang diberikan oleh responden M1 dan M2 menunjukkan kaedah Ekspres-I telah membantu mereka mudah membaca serta membunyikan suku kata vokal berganding atau diftong. Murid telah mampu mengecam bunyi suku kata vokal berganding atau diftong melalui aktiviti serta latihan yang dijalankan.

#### 4.3.2. Suasana Pembelajaran yang Menyeronokkan dan Menarik Minat Murid

Aktiviti didik hibur nyanyian kaedah Ekspres-I telah menarik minat murid dalam mempelajari suku kata bahasa Melayu. Lagu-lagu yang diperkenalkan dalam kajian ini seperti "I Love You", "Kalau Rasa Gembira" dan "Chan Mali Chan" merupakan lagu yang murid kenali. Aktiviti didik hibur nyanyian memberikan peluang kepada murid untuk belajar suku kata dengan lebih menyeronokkan serta tanpa tekanan. Dalam kaedah Ekspres-I, rutin aktiviti latih tubi membaca suku kata telah digantikan dengan aktiviti nyanyian suku kata mengikut irama lagu yang menambahkan minat murid untuk belajar.

*.....saya nak nyanyi lagu ni.....den den den den den (nyanyi dengan melodi Lagu "Chan Mali Chan").....(Responden M1)*

*.....tadi main sambil nyanyi lagu tu.....saya rasa itu menarik.....kalau rasa gembira (nyanyi lagu " Kalau Rasa Gembira" berulang kali ketika ambil kad suku kata).....(Responden M2)*

Berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh responden M1 dan M2 menunjukkan kaedah didik hibur nyanyian dalam Ekspres-I telah menghasilkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Mereka berulang kali menyanyi lagu ketika menunggu guru memberi arahan dan mampu mengesan serta membetulkan sebutan suku kata rakan yang salah ketika menjalankan aktiviti nyanyian suku kata.

#### 4.3.3. Motivasi Dalaman Murid Meningkatkan Setelah Penggunaan Kaedah Ekspres-I

Kaedah didik hibur nyanyian dan Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) yang diintegrasikan dalam kaedah Ekspres-I telah meningkatkan motivasi dalaman murid

dalam belajar suku kata bahasa Melayu bagi topik yang seterusnya. Penggunaan kaedah Ekspres-I ini memberi pengalaman pembelajaran bahasa Melayu dengan cara yang mudah serta suasana yang seronok kepada murid. Aktiviti nyanyian dan sebutan terus suku kata telah menyakinkan murid serta memenuhi kepuasan murid dalam pembelajaran bahasa Melayu.

*.....Saya nak belajar lagi kerana seronok.....Saya sudi datang ke sekolah untuk mempelajari bahasa Melayu. (mengangguk kepala) (Responden M1)*

*Saya berasa gembira, sangat 'high'. Cikgu ajar dengan penuh sabar. Saya sudi datang dan belajar topik yang seterusnya. M1, kami boleh kuasai bahasa Melayu ni! (Nada Bersemangat) (Responden M2)*

Dalam kaedah Ekspres-I, murid berpeluang belajar bahasa Melayu melalui aktiviti nyanyian secara santai dan tanpa tekanan. Kemampuan diri dalam menyebut suku kata setelah pembelajaran kaedah Ekspres-I telah menyakinkan murid serta memenuhi kepuasan murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini juga memotivasikan serta menggalakkan murid untuk belajar bahasa Melayu dengan lebih bersungguh-sungguh.

Secara keseluruhannya, motivasi murid dalam mempelajari bahasa Melayu dengan penggunaan kaedah Ekspres-I boleh ditingkatkan melalui aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, menarik minat dan sesuai dengan tahap murid.

## 5. Perbincangan Kajian

### 5.1. Tahap Pencapaian Murid Bukan Penutur Natif dalam Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Melalui Penggunaan Kaedah Ekspres-I

Penguasaan kemahiran membaca bagi dua orang responden telah bertambah baik selepas pendedahan kaedah Ekspres-I. Berdasarkan data analisis dokumen bagi latihan membaca dan pencapaian markah ujian pos, kedua-dua murid telah menunjukkan peningkatan pencapaian yang baik dalam kemahiran membaca suku kata diftong serta vokal berganding melalui penggunaan kaedah Ekspres-I. Peningkatan pencapaian markah kemahiran membaca menjelaskan kaedah Ekspres-I telah membantu murid yang bukan penutur natif menguasai kemahiran membaca yang asas. Dapatan kajian ini telah disokong oleh [Ahmad Jaswadi dan Norli \(2015\)](#) menyatakan bahawa kaedah Ekspres-I ini dapat memudahkan murid bukan penutur natif untuk membunyikan suku kata atau perkataan yang dikelirukan. Responden dapat terus menyebut perkataan yang mengandungi suku kata diftong dan vokal berganding dengan betul kerana teknik lenggok bunyi yang digunakan telah memudahkan murid dalam penyebutan suku kata bahasa Melayu.

Hal ini selaras dengan dapatan data temu bual yang menunjukkan kaedah Ekspres-I dapat membantu responden dari segi penyebutan perkataan diftong dan vokal berganding menjadi lebih mudah dan senang. Murid mudah menyebut suku kata yang dibentuk dengan gabungan huruf vokal a, e, i, o, u melalui bantuan teknik lenggok bunyi yang didengar. Murid bukan penutur natif telah dibimbing menyebut bunyi suku kata berdasarkan lenggok bunyi yang dibaca seperti 'u-ua', 'bu-bua', 'cu-cua' dan cara ini membantu murid mampu menyebut bunyi suku kata diftong dan vokal berganding tanpa disedari. Maka, jelas bahawa melalui kaedah Ekspres-I ini, murid bukan penutur natif bahasa Melayu dapat membaca suku kata serta perkataan diftong dan vokal berganding

dengan lebih mudah serta pantas berbanding dengan cara tradisional sebelum ini, mengeja suku kata demi suku kata.

Di samping itu, latihan membaca telah berulang kali dijalankan melalui aktiviti pembelajaran, aktiviti nyanyian kumpulan dan latihan membaca. Latihan yang berulang-ulang melalui aktiviti pembelajaran telah berjaya mengukuhkan cara penyebutan dan penguasaan murid terhadap suku kata yang keliru sebelum ini. Aktiviti serta latihan yang berulang kali dalam proses pelaksanaan tindakan 1 dan 2 telah menjadi kelaziman kepada kedua-dua murid dan membantu mereka menyebut suku kata serta perkataan diftong atau vokal berganding. Pada akhirnya, kedua-dua murid ini berjaya memperoleh 100 peratus dalam ujian pos. Hal ini bersesuaian dengan salah satu hukum pembelajaran yang terdapat dalam teori pelaziman operan [Thorndike \(1911\)](#), iaitu hukum latihan yang menjelaskan kemahiran akan menjadi kukuh dengan adanya pengulangan dan latihan yang banyak. Dalam kajian ini, kemahiran membaca bagi kedua-dua murid bukan penutur natif telah menjadi lebih kukuh dan kelaziman dengan wujudnya latihan serta pengulangan yang kerap.

## **5.2. Penggunaan Kaedah Ekspres-I untuk Meningkatkan Motivasi Murid Bukan Penutur Natif dalam Pembelajaran Bahasa Melayu**

Berdasarkan dapatan kajian, kedua-dua murid bukan penutur natif bermotivasi dalam belajar suku kata digraf dan vokal berganding kerana kaedah Ekspres-I yang menerapkan kaedah didik hibur nyanyian telah berjaya menarik perhatian murid. Dapatan ini menyokong kajian [Mohd Razak dan Masitah \(2015\)](#) yang menunjukkan kaedah didik hibur berjaya meningkatkan motivasi, minat dan penglibatan murid bukan penutur natif dalam mempelajari bahasa Melayu. Hal ini disebabkan kanak-kanak pada dasarnya suka dan berminat menyanyi ([Nadera, 2015](#); [Omid & Mina, 2017](#)). Nyanyian suku kata mengikut irama lagu telah meningkatkan motivasi belajar murid kerana corak bacaan berbeza dengan aktiviti rutin bilik darjah yang biasa seperti yang dijelaskan oleh [Nadera \(2015\)](#) bahawa lagu boleh menambahkan minat serta perhatian murid terhadap rutin aktiviti pembelajaran yang berlainan dan berpotensi meningkatkan motivasi belajar murid dalam bahasa kedua. Tambahan, aktiviti nyanyian boleh memberi kepuasan, kegembiraan dan kebahagiaan kepada murid dan menggalakkan murid untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh ([Ira Miranti et al., 2015](#)). Oleh itu, murid bukan penutur natif bermotivasi mempelajari bahasa Melayu apabila berpeluang mempraktikkan sebutan suku kata melalui kaedah nyanyian lagu yang berbeza dengan aktiviti latih tubi yang mungkin membosankan.

Kaedah didik hibur nyanyian telah berjaya menghasilkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan kondusif jika berbanding dengan suasana pembelajaran kaedah tradisional '*chalk and talk*' yang kurang memberangsangkan. Motivasi belajar murid bukan penutur natif bagi kajian ini telah diwujudkan dalam suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan melalui kaedah didik hibur nyanyian yang terkandung dalam kaedah Ekspres-I. Dalam pembelajaran bahasa kedua, keseronokan merupakan salah satu elemen yang penting bagi mengukuhkan rasa minat terhadap rutin bilik darjah dan meningkatkan motivasi belajar murid bukan penutur natif. Kaedah didik hibur bukan sahaja dapat merangsang minat murid untuk lebih memahami dan meneroka tanpa rasa takut atau bimbang, tetapi juga mementingkan elemen keseronokan serta hiburan dalam pembelajaran ([Ahmad Kamal, 2013](#); [Norlela et al., 2021](#)). Suasana pembelajaran yang santai serta persekitaran bilik darjah yang tidak mengancam melalui kaedah nyanyian

lagu dapat meningkatkan minat serta motivasi murid bukan penutur natif dalam pembelajaran bahasa (Nadera, 2015).

Dengan ini, boleh disimpulkan bahawa kaedah Ekspres-I dapat menghasilkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan meningkatkan motivasi murid bukan penutur natif dalam pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini disokong oleh kajian Norlela dan Shamsudin (2020) yang mengulasi motivasi belajar murid akan bertambah apabila berlakunya keseronokan dalam pembelajaran melalui kaedah didik hibur.

## 6. Kesimpulan

Masalah penguasaan kemahiran membaca bagi bahasa Melayu masih berlaku di sekolah rendah, khususnya murid yang bukan penutur natif bahasa Melayu. Murid bukan penutur natif masih mengalami kekeliruan, lemah dalam penguasaan kemahiran membaca dan menulis (Chew, 2016). Masalah penguasaan kemahiran membaca murid bukan penutur natif telah menjejaskan motivasi belajar dalam pembelajaran bahasa Melayu. Oleh itu, guru memainkan peranan penting dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran yang berpusatkan murid dan sesuai dengan tahap murid supaya menjamin berlakunya proses pembelajaran yang berkesan. Kaedah Ekspres-I diaplikasikan dalam kajian ini untuk mengatasi masalah penguasaan kemahiran membaca asas dan meningkatkan motivasi murid bukan penutur natif dalam pembelajaran bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah Ekspres-I telah membawa kesan yang positif dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dan motivasi belajar bahasa Melayu bagi murid bukan penutur natif. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan kepada guru-guru lain untuk membantu murid yang lemah dari segi kemahiran membaca dan kurang motivasi dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

## Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada pensyarah penyelia dan peserta kajian yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

## Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

## Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian teknik didik hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 41(1), 39-45.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.

- Abdul Said Ambotang. (2018, 4 Oktober). Kepentingan kemahiran membaca dalam kalangan murid. *Utusan Borneo*. <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20181004/281835759642340>
- Ahmad Jaswadi Mohamed & Norli Madlan. (2015). *Belajar membaca kaedah Ekspres-I: Cara mudah mengajar kanak-kanak cepat membaca*. PTS Professional Sdn Bhd.
- Ahmad Kamal Ramtan. (2013). Keperluan didik hibur dalam pengajaran. <https://www.scribd.com/document/130664028/Keperluan-Didik-Hibur-Dalam-Pengajaran>.
- Alcivar, C. M. M., Quimi, T. L. I. & Barberan, M. F. Z. (2020). The motivation and its importance in the teaching-learning process. *International Research Journal of Management, IT and Social Sciences*, 7(1), 138-144.
- Aminuddin Khalit. (2015). *Kesan Kaedah Gabung Bunyi Kata terhadap literasi awal Al-Quran dalam kalangan murid-murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran* [Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris]. UPSI Digital Repository. [https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/1257\\_1257.pdf](https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/1257_1257.pdf)
- Artley, A. S. (1966). Influence of specific factors of growth in interpretation. In Robinson, H. A. (Eds.), *Reading: seventy-five years of progress* (pp. 79). University of Chicago Press.
- Barry, B. E., Bodenhamer, J. & O'Brien Jr, J. J. (2011). Student nonverbal communication in the classroom. In *American Society for Engineering Education*, 1-14.
- Bodden, V. (2010). *Poetry basics: Nursery rhymes*. Mankato, MN: Creative Education.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Dechant, E. V. (1964). *Improving the teaching of reading*. Prentice-Hall.
- Hanifah Sabin, Pang, V. & Muhammad Idris Bullare @ Bahari. (2019). Modul membaca awal prasekolah menggunakan nyanyian berasaskan teori psikolinguistik kognitif dan aplikasi kaedah belajar melalui bermain. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 45-58.
- Ira Miranti, Engliana & Fitri Senny Hapsari. (2015). Penggunaan media lagu anak-anak dalam mengembangkan kemampuan kosa kata bahasa Inggeris Siswa di PAUD. *Faktor: Jurnal Ilmiah Kependidikan*, 2(2), 167-173.
- Isahak Haron. (2004). *Awal membaca bahasa Melayu: keberkesanan Kaedah Gabungan Bunyi Kata untuk untuk prasekolah dan untuk pemulihan* [Unpublished monograph]. UPSI.
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The Action Research Planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki. (2017). Penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 6(10), 1-11.
- Lau, S. C. & Mohd Mokhtar Tahar. (2021). Penggunaan peralatan multisensori buku audio dalam meningkatkan minat murid-murid masalah pembelajaran terhadap membaca. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 530-536.
- Lau, S. Y. W., Alizah Lambri & Rosliah Kiting. (2020). Penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 6(1), 33-42.
- Lily Hanefarezan Asbulah, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin & Musab Sahrim. (2018). Tahap motivasi holistik, intrinsik dan ekstrinsik terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan graduan universiti awam. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 33, 75-93.
- Mcdonough, S. H. (1981). *Psychology in foreign language teaching* (2nd ed.). London: Unwin Hyman Ltd.

- McNiff, J. (1988). *Action Research: Principles and Practice*. London: Routledge.
- Mohd Helmi Pangat & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Strategi komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7(1), 123-141.
- Mohd Razak Mohd Nordin & Masitah Ahmad. (2015). Pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu: Tinjauan terhadap sikap dan minat murid orang asli di negeri Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 9, 77-90.
- Muhammad Ariff Ahmad. (1992). *Tentang kekata tuntas, matek-aji dan unik*. [Manuscript submitted for publication]. National Institute of Education Singapore.
- Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad & Nor Kamariah Kamaruddin. (2018). Hubungan antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik dengan pencapaian akademik pelajar UTHM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(2), 57-64.
- Muhammad Saiful Hussin, Nik Hafizah Rahman & Agus Syahrani. (2012). Pembelajaran membaca bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tamil: Kaedah Gabung Bunyi Kata. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 12(1).
- Nadera, B. (2015). Promoting student motivation in EFL classroom: Through extended music education. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 199, 368-371.
- Ngui, C. C. & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Penggunaan kaedah visualisasi dalam pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Inggeris. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 444-449.
- Niles, O. S. (1969). Reading skills common to the content areas. In Robinson, H. A., & Thomas, E. L. (Eds.), *Fusing reading skills and content* (pp. 1-16). International Reading Association.
- Nor Qadariah Ishak & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2020). Keberkesanan VAKT dalam meningkatkan penguasaan membaca perkataan digraf dan konsonan bergabung bahasa Melayu murid Melanau di kelas pemulihan khas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 24-31.
- Nora'Azian Nahar. (2020). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah jenis kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies*, 9(1), 107-123.
- Norlela Ahmad & Shamsudin Othman. (2020). Penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 6(2), 1-11.
- Norlela Ahmad, Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil, Marzni Mohamed Mokhtar, Mohd Azuan Mohd Nawawi & Zullaili Hason. (2021). Pengaruh didik hibur dalam meningkatkan kesediaan belajar kemahiran membaca bahasa Melayu murid belum menguasai tahap pencapaian minimum. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1), 45-57.
- Norli Madlan. (2008). *Belajar membaca kaedah Ekspres-I: Cara mudah mengajar kanak-kanak cepat membaca*. PTS Professional Sdn Bhd.
- Nur Aliah Izzaty Hisamudin. (2019). *Penggunaan kaedah didik hibur untuk pembelajaran matematik dalam kalangan murid Sekolah Rendah Taman Sri Rampa*. [Master's thesis, Universiti Malaya, Malaysia] University of Malaya Student Repository. <http://studentsrepo.um.edu.my/id/eprint/10984>
- Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod. (2021). Tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru bahasa Melayu terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran komsas. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 93-107.
- Omid Pourkalhor & Mina Akhavan Tavakoli. (2017). Nursery rhymes and language learning: Issues and pedagogical implications. *International Journal of English Language & Translation Studies*, 5(1), 111-116.

- Patricia Antai Robin, Mahizer Hamzah & Madeline Pandang. (2020). Penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak Iban melalui lagu Didi & Friends. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 41-51.
- Pratolo, B. W. (2019). Integrating body language into classroom interaction: The key to achieving effective English language teaching. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 7(3), 121-129.
- Ramayanti, R. (2019). *Improving students' vocabulary mastery through word family games and picture (A classroom action research of the eighth grade at SMPN 7 Salatiga in the academic Year 2019/2020)* [Doctoral dissertation, IAIN Salatiga]. IAIN Salatiga Repository. <http://e-repository.perpus.iainsalatiga.ac.id/6092>
- Razif Amir Abzol & Isahak Haron. (2017). The effectiveness of the integrated sound-word method to improve the skills in reading, writing and the reading interest of bahasa Melayu among the pupils with dyslexia. *Advanced Science Letters*, 23(3), 2048-2051.
- Russell, D. H. (1972). Contributions of reading to personal development. In Duggins, J. (Eds.), *Teaching reading for human values in high school* (pp. 132-141). Merrill.
- Smith, F. (1975). The role of prediction in reading. *Elementary English*, 52(3), 305-311.
- Thorndike, E. (1911). *Animal intelligence*. Macmillan.
- Wong, L. S. C & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Hubungan antara tahap kebolehan pengajaran dengan pengalaman mengajar guru bahasa Melayu dalam mengaplikasikan pedagogi responsif budaya. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 468-483.
- Yong, I. S. F. & Isahak Haron. (2016). Using Integrate sound word method in improving literacy for students with learning disabilities in elementary school. *Advanced Science Letters*, 22(8), 1897-1900.
- York, J. (2011). Music and MEXT: How songs can help primary school English teachers teach and their students learn. *The Language Teacher*, 6, 250-261.